



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## PERUTUSAN

YANG BERTAMBAH  
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR  
MENTERI KESIHATAN  
SEMPENA SAMBUTAN HARI BUAH PINGGANG SEDUNIA 2023

09 MAC 2023

### TEMA:

*"Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua -  
Bersedia Untuk Sebarang Kemungkinan, Melindungi Golongan Rentan"  
(Kidney Health for All -  
Preparing for the Unexpected, Supporting the Vulnerable)*

1. Penyakit Buah Pinggang ialah suatu penyakit yang tidak berjangkit. Pada lazimnya, penyakit buah pinggang dianggap sebagai ‘**penyakit senyap**’, yang selalunya tidak menunjukkan gejala awal dan jelas. Majoriti pesakit buah pinggang tidak menyedari sehingga ianya sudah terlambat iaitu, apabila fungsi buah pinggang sudah di tahap yang teruk dan terjejas.
2. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, seramai kira-kira **850 juta orang** di seluruh dunia menghidap penyakit buah pinggang. Jumlah ini adalah 2 kali ganda daripada orang yang hidup dengan penyakit kencing manis (422 juta) dan 20 kali ganda daripada orang yang hidup dengan penyakit kanser di seluruh dunia (42 juta). **Data penyakit buah pinggang kronik di seluruh dunia juga menunjukkan sebanyak**

**10.4% pesakit buang pinggang adalah di kalangan lelaki dan 11.8% adalah di kalangan wanita.**

3. Negara Brunei Darussalam adalah salah sebuah negara yang tidak terkecuali dan mempunyai kadar tertinggi bagi pesakit buah pinggang di peringkat akhir. Punca utama penyakit buah pinggang di Negara Brunei Darussalam adalah kencing manis dan tekanan darah tinggi. Menurut Pendaftaran Dialisis dan Pemindahan Buah Pinggang bagi Negara Brunei Darussalam, seramai 200 orang pesakit buah pinggang peringkat akhir meninggal dunia pada tahun 2022. Pada tahun yang sama juga, jumlah keseluruhan pesakit buah pinggang di peringkat akhir adalah seramai 913 orang yang mana seramai 211 pesakit buah pinggang adalah kes baru. **Kenaikan peratus secara purata bagi pesakit buah pinggang peringkat akhir ini ialah sebanyak 28.0% setiap tahun.**
4. Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang dan mengurangkan kesan penyakit buah pinggang dan masalah yang berkaitan dengannya, seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam akan menyertai kempen Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia yang disambut setiap tahun, pada hari Khamis di minggu kedua bulan Mac. Tema sambutan pada tahun ini ialah '**Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua - Bersedia Untuk Sebarang Kemungkinan, Melindungi Golongan Rentan**' (*Kidney Health for All - Preparing for the Unexpected, Supporting the Vulnerable*). Tema ini menekankan keperluan bagi merangka semula pengesanan awal penyakit buah pinggang, pengurusan dan

penjagaan penyakit buah pinggang demi meningkatkan hasil agar pesakit dapat terus menikmati hidup mereka masing-masing. Tema tahun ini amat relevan kepada penghidap penyakit buah pinggang memandangkan mereka adalah diantara golongan rentan yang mempunyai risiko lebih tinggi bagi sebarang kemungkinan seperti dijangkiti dengan penyakit-penyakit berjangkit dan mengalami kesan jangkitan yang lebih teruk berbanding dengan pesakit lain.

5. Kempen Hari Buah Pinggang Sedunia pada tahun ini juga akan memberi tumpuan yang lebih kepada pemantauan, kajian, pelaksanaan dan penyumberan-luar rangka kerja sistem kesihatan yang disediakan melalui strategi-strategi yang ditetapkan dari masa ke semasa termasuk pelan kesinambungan operasi (*Business Continuity Plan*). Penglibatan secara Pendekatan Senegara (*Whole of Nation Approach*) yang bersepadu daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pihak-pihak berkepentingan termasuk orang ramai dalam melaksanakan rangka kerja yang berkaitan juga akan dilaksanakan semata-mata untuk persediaan sebarang kemungkinan yang boleh menghalang atau mengganggu perkhidmatan kesihatan yang diberikan khusus kepada golongan rentan dan rakyat Negara Brunei Darussalam secara amnya.
6. Dalam mengimbas kembali wabak COVID-19 yang melanda dunia baru-baru ini, pelbagai cabaran yang menduga sistem kesihatan dan orang ramai di Negara Brunei Darussalam khususnya bagi golongan rentan seperti mereka yang mempunyai penyakit buah pinggang. Bagi pesakit-pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan setiap 3

kali seminggu di pusat-pusat dialisis terpaksa menangguhkan rawatan mereka kerana kekurangan fasiliti pengasingan untuk menempatkan pesakit hemodialisis dan kontak terdekat COVID-19, serta tenaga kerja kesihatan yang tidak dapat hadir disebabkan dijangkiti COVID-19 atau menjalani kuarantin.

7. Justeru itu, diantara usaha dan inisiatif untuk memastikan rawatan penyakit buah pinggang masih dapat diteruskan semasa pandemik tersebut, Kementerian Kesihatan telah menjadikan Pusat Dialisis Tutong sebagai sebuah pusat dialisis kuarantin kebangsaan; meningkatkan akses komunikasi antara pesakit buah pinggang dan juruwat mengikut jenis rawatan masing-masing dengan penggunaan telefon “hotline”, pesakit dan para jururawat Jabatan Perkhidmatan Renal boleh berkomunikasi pada bila-bila masa termasuk luar waktu pejabat jika perlu; meningkatkan jumlah pengambilan rawatan dialisis peritonil (cuci air) di kalangan pesakit buah pinggang daripada rawatan hemodialisis (cuci darah); dan sebagainya.
8. Data tempatan dan juga antarabangsa menunjukkan kadar pesakit positif COVID-19 dan kematian dengan COVID-19 jauh lebih tinggi bagi pesakit buah pinggang yang menerima rawatan hemodialisis berbanding dengan pesakit yang menerima rawatan dialisis peritonil. Salah satu kelebihan rawatan dialisis peritonil ialah para pesakit dapat mengendalikan rawatan berkenaan di rumah mereka sendiri mengikut masa yang dipilih sendiri. Alhamdulillah, semasa pandemik COVID-19, Kementerian Kesihatan dengan dibantu oleh pihak Jerudong Park Medical Centre (JPMC) telah mengendalikan prosedur

pembedahan sisipan kateter bagi rawatan dialisis peritoneal sehingga pada tahun 2021, terdapat sebanyak 40.7% kenaikan jumlah pesakit Dialisis Peritonil berbanding pada tahun 2020.

9. Syukur Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam sangat beruntung kerana perkhidmatan kesihatan boleh diakses oleh semua rakyat dan penduduk di negara ini. Tambahan lagi pelbagai rawatan dan ubat-ubatan diberi secara percuma jika dibandingkan di negara-negara lain. Walau bagaimanapun, ianya adalah tanggungjawab kita untuk sama-sama berusaha mengamalkan gaya hidup sihat, aktif, mengelakkan merokok dan mengikuti permakanan yang sihat serta seimbang dengan pengambilan ubat-ubatan yang berkesan. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha dalam menyediakan penjagaan yang mudah diakses kepada semua, bukan sahaja bagi penyakit buah pinggang, tetapi bagi semua penyakit tidak berjangkit, yang selaras dengan Matlamat Kedua dalam Wawasan 2035 iaitu 'Kualiti Kehidupan Yang Tinggi'.
10. Dengan adanya Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia ini , Insha Allah lebih ramai lagi yang akan memahami penyakit buah pinggang terutama sekali pesakit, penjaga dan ahli keluarga pesakit agar semua dapat menikmati kehidupan yang sihat dan sejahtera.

**-TAMAT-**